



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SAMBUTAN HARI HARIMAU SEDUNIA 2026

24 JULAI 2026 (JUMAAT) | 2.30 PETANG

A'FAMOSA RESORT, MELAKA

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI]

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa amat berbesar hati atas semangat kebersamaan pihak Safari Wonderland A'Famosa Resort dalam menganjurkan majlis pada hari ini sempena sambutan Hari Harimau Sedunia (Global Tiger Day – GTD) 2026.
2. Kehadiran hadirin daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar, belia, badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) ke majlis ini untuk sama-sama meraikan Hari Harimau Sedunia mencerminkan komitmen jitu daripada semua pihak dalam memastikan spesies ikonik Malaysia iaitu Harimau Malaya dapat dilindungi daripada ancaman kepupusan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

MALAYSIA, KHAZANAH MEGADIVERSE DUNIA

3. Hari Harimau Sedunia disambut pada 29 Julai setiap tahun untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dunia tentang kepentingan memulihara spesies harimau yang diancam kepupusan akibat perubahan guna tanah, pemburuan haram, perdagangan hidupan liar di pasaran gelap serta konflik manusia dan harimau.
4. Negara kita Malaysia ini merupakan antara tujuh belas buah negara di dunia yang paling kaya dengan khazanah biodiversiti atau disebut

sebagai negara megadiverse. Ini bukan perkara kecil kerana dunia melihat kita sebagai gedung khazanah yang sangat bernilai.

5. Bukan itu sahaja, dari segi hidupan liar, negara kita ada beratus ratus spesies mamalia, burung, katak, reptilia dan lebih dua ribu spesies ikan. Walau bagaimanapun, kekayaan hutan dan hidupan liar ini berisiko untuk pupus akibat tindakan tidak bertanggungjawab seperti aktiviti pembalakan haram dan pemburuan haram hidupan liar. Sekiranya jenayah ini tidak dikawal, ia boleh menjejaskan populasi hidupan liar termasuk kehilangan spesies Harimau Malaya buat selama-lamanya.
6. Situasi di Malaysia juga sangat membimbangkan. Berdasarkan kepada Survei Harimau Kebangsaan Pertama yang dilaksanakan pada tahun 2016 hingga 2020, bilangan Harimau Malaya yang direkodkan di Malaysia dianggarkan kurang daripada 150 ekor. Ini bermakna, Malaysia akan kehilangan spesies Harimau Malaya buat selama-lamanya sekiranya tiada tindakan drastik dilaksanakan.
7. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam menjaga khazanah hutan dan hidupan liar di negara ini, saya amat komited untuk menerajui usaha bagi memastikan khazanah biodiversiti kita dipulihara, digunakan secara mampan serta faedah yang terhasil daripadanya dikongsi secara adil dan saksama bagi menjamin kesejahteraan negara dan rakyat pada masa kini dan masa hadapan.
8. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan PERHILITAN bagi melindungi kawasan perlindungan yang menjadi habitat Harimau Malaya. Usaha ini

melibatkan kerjasama kerajaan negeri, agensi-agensi penguatkuasaan serta NGO. Pelbagai kempen juga telah dijalankan bagi memupuk kesedaran awam mengenai kepentingan Harimau Malaya sebagai spesies yang memainkan peranan penting dalam ekosistem sebagai spesies pemangsa apeks (apex predator). Dalam hubungan ini, Harimau Malaya mendominasi rantai makanan yang mengawal populasi spesies mangsa dan menjaga keseimbangan ekosistem.

Hadirin yang dihormati,

KEBERHASILAN TINDAKAN STRATEGIK KONSERVASI HARIMAU MALAYA

9. Kita tidak boleh sama sekali membiarkan Harimau Malaya yang menjadi simbol Jata Negara lenyap di atas muka bumi ini. Justeru, NRES telah melaksanakan sembilan tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya sejak tahun 2021 dan inisiatif ini akan diteruskan hingga tahun 2030. Tindakan-tindakan tersebut dilaksanakan menerusi tiga pendekatan iaitu:
 - (i) **Pertama** - mengukuhkan usaha bagi menghentikan penurunan populasi Harimau Malaya;
 - (ii) **Kedua** - meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan dalam melaksanakan konservasi Harimau Malaya; dan
 - (iii) **Ketiga** - memperkasakan inisiatif bagi memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya.
10. Salah satu program berimpak tinggi yang dilaksanakan ialah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3) bagi memperkukuh usaha pemuliharaan

biodiversiti negara melalui rondaan penguatkuasaan dan pengawalan secara berterusan (boots on the ground). BP3 yang mula dilaksanakan sejak tahun 2019 melibatkan dua inisiatif utama iaitu pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) dan pelantikan Renjer Komuniti bertujuan untuk membendung ancaman pemburuan haram serta memperukuh perlindungan kawasan habitat hidupan liar.

11. Sehingga Julai 2026, BP3 telah menunjukkan perkembangan yang amat memberangsangkan apabila rondaan penguatkuasaan berjaya meliputi 60 peratus kawasan habitat utama hidupan liar di Semenanjung Malaysia, melibatkan keluasan keseluruhan hampir 20,000 kilometer persegi. Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan kehadiran penguat kuasa di lapangan sebagai benteng utama pemeliharaan khazanah biodiversiti negara.
12. Sebanyak tujuh siri OBK telah berjaya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2026 dengan merekodkan pencapaian yang amat membanggakan. Operasi tersebut berjaya mengesan dan memusnahkan 29 jerat, menemui 47 khemah, mengesan tujuh kesan penebangan dan takikan pokok karas, serta merekodkan 185 kesan aktiviti pemburuan haram dan 151 kesan aktiviti manusia di kawasan operasi. Pencapaian ini membuktikan bahawa rondaan berterusan di lapangan (boots on the ground) boleh bertindak sebagai benteng utama dalam membendung aktiviti yang mengancam khazanah biodiversiti negara.
13. Secara keseluruhannya, pelaksanaan OBK di Semenanjung Malaysia sehingga Julai 2026 telah merekodkan 56 kes tangkapan dengan

penahanan seramai 70 orang pesalah terdiri daripada 43 warga tempatan dan 24 warga asing. Nilai keseluruhan sitaan pula dianggarkan mencecah RM4.2 juta, sekali gus mencerminkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan bersepadu yang dilaksanakan oleh semua agensi strategik.

14. Sementara itu, jumlah keseluruhan pelantikan Renjer Komuniti ialah seramai 2,500 orang dan daripada jumlah tersebut seramai 1,950 adalah di bawah seliaan Jabatan PERHILITAN. Sehingga Julai 2026, sebanyak 3,684 operasi rondaan telah dilaksanakan meliputi jarak rondaan sejauh 99,062.43 kilometer.
15. Salah satu lagi inisiatif berimpak tinggi ialah pelaksanaan Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT). Inisiatif ini menyediakan insentif kewangan kepada kerajaan negeri bagi menggalakkan pewartaan kawasan perlindungan yang turut menjadi habitat utama hidupan liar.
16. Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan melalui NRES telah memperuntukkan lebih RM1.05 bilion melalui mekanisme ini. Hasil daripada pelaksanaan EFT, hampir 90,000 hektar kawasan perlindungan baharu telah diwartakan di Semenanjung Malaysia. Langkah ini bukan sahaja memperkukuh perlindungan habitat Harimau Malaya, malah memastikan ekosistem hutan negara terus dipelihara demi manfaat generasi akan datang.
17. Hasil pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama NGO mendapati populasi Harimau Malaya telah

menunjukkan peningkatan. Perkembangan ini memberi petunjuk positif terhadap usaha-usaha yang telah dilaksanakan.

Hadirin yang dihormati,

PEMBIAKAN HARIMAU MALAYA DALAM KURUNGAN

18. Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan kerjasama strategik dengan enam buah premis zoo tempatan bagi meningkatkan bilangan Harimau Malaya secara ex situ. Ini termasuk mengadakan program persampelan di bawah Malayan Tigers Genotyping System (MyTAGS) sejak tahun 2021 untuk mengenal pasti status sub-spesies setiap individu harimau di dalam kurungan dan susur galurnya. Melalui program MyTAGS, Harimau Malaya di lima buah zoo telah dikenal pasti sebagai Harimau Malaya (*Panthera tigris jacksoni*) yang asli. Antara zoo yang terlibat dalam program ini adalah A'Famosa Safari Wonderland dan Zoo Melaka. Tahniah Negeri Melaka!

19. Saya juga difahamkan bahawa A'Famosa Safari Wonderland dan Zoo Melaka turut terlibat di dalam Program Pembiakan Harimau Malaya Dalam Kurungan atau Malayan Tiger Breeding In Captivity Programme (MyBIT). Program MyBIT merupakan inisiatif Jabatan PERHILITAN ke arah meningkatkan bilangan Harimau Malaya di dalam kurungan di Malaysia melalui kaedah pembiakan secara semula jadi.

20. Sehingga kini, Program MyBIT giat dijalankan melibatkan 2 fasiliti Jabatan PERHILITAN iaitu Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan dan Pusat Konservasi Harimau Malaya serta lima buah zoo. Sepanjang tiga tahun pelaksanaannya mulai tahun 2024 hingga 2026, sebanyak lima kelahiran telah direkodkan iaitu tiga kelahiran

pada tahun 2025 dan dua kelahiran pada tahun 2026. Daripada lima kelahiran ini, rekod kelahiran hidup adalah sebanyak tiga kali.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

21. Sesungguhnya, pencapaian -pencapaian dalam konservasi Harimau Malaya menunjukkan bahawa usaha menyelamatkan Harimau Malaya akan membuahkan hasil jika semua pihak bersepakat. Usaha-usaha untuk melindungi Harimau Malaya dan memulihara habitat semula jadinya tidak mungkin akan tercapai tanpa komitmen daripada semua pihak.

22. Akhir kata, saya menyeru kepada semua agar terus memberikan sokongan terhadap usaha pemuliharaan spesies Harimau Malaya. Semoga spesies ikonik yang menjadi simbol Jata Negara ini terus terpelihara. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **SAMBUTAN HARI HARIMAU SEDUNIA TAHUN 2026.**

Sekian, terima kasih.